

01 SEP 2003

DR MAHATHIR BERGELAP SEKETIKA SEMASA MEMBELI-BELAH

LANGKAWI, 1 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melakukan lawatan dua hari ke Langkawi mulai semalam, turut mengalami gangguan bekalan elektrik, yang berlaku di lima negeri di utara Semenanjung serta Kelantan hari ini.

Semasa sedang membeli kain pelekat di sebuah kedai di Beras Terbakar, di sini, kira-kira 1 tengah hari, tiba-tiba lampu di kedai berkenaan terpadam akibat bekalan elektrik terputus.

Dr Mahathir dilihat membayar harga kain berkenaan dan beredar keluar dari kedai itu.

Bagaimanapun, bekalan elektrik di kedai itu pulih semula beberapa minit selepas itu.

Perdana Menteri sebelum itu, pada sebelah paginya melawat beberapa projek pembangunan dan pelancongan seperti pembinaan dua blok baru Galeria Perdana dan melawat tempat ternakan ikan dalam sangkar di Sungai Kilim.

-- BERNAMA

MZM RHM